

TINJAUAN AWAL TERHADAP STRATEGI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DALAM MENGEKALKAN KEHARMONIAN AGAMA SAUDARA BARU

STRATEGIC APPROACHES OF THE DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA (JAKIM) IN PROMOTING RELIGIOUS HARMONY AMONG MUSLIM CONVERTS: A PRELIMINARY STUDY

Siti Muliani Abdul Ghani^{1*}
Azarudin Awang²
Hamizah Muhammad³
Mohd Ariff Mohd Daud⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Terengganu Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu Malaysia. (E-mail: ctmuliani19@gmail.com)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Terengganu Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu Malaysia. (E-mail: azaru154@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Terengganu Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu Malaysia.
(E-mail: hamizahmuhammad@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Terengganu Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu Malaysia. (E-mail: ariffdaud@uitm.edu.my)

*Corresponding author: ctmuliani19@gmail.com

Article history

Received date : 9-5-2026
Revised date : 10-5-2026
Accepted date : 1-6-2026
Published date : 20-6-2026

To cite this document:

Abdul Ghani, S. M., Awang, A., Muhammad, H., & Mohd Daud, M. A. (2026). Tinjauan awal terhadap strategi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam mengekalkan keharmonian agama saudara baru. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 384 – 399..

Abstrak: Penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) menjadi langkah besar ke hadapan untuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) lebih aktif melaksanakan program berteraskan nilai-nilai keagamaan demi meningkatkan keharmonian dalam kepelbagaian agama. JAKIM berperanan sebagai wakil badan kerajaan yang berwibawa bagi Islam, memperjuangkan agama dengan tujuan memupuk persefahaman bersama masyarakat agama lain. Namun, kajian empirikal mengenai strategi khusus untuk saudara baru masih terhad. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan dan strategi JAKIM, dalam mengekalkan keharmonian agama secara seimbang dalam kalangan saudara baru di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian kepustakaan melalui dokumen JAKIM yang berkaitan dengan subjek tersebut dan dapatan kajian lepas seperti buku, artikel jurnal dan kertas persidangan untuk tempoh lima tahun terkini. Semua data kemudiannya dianalisis secara deskriptif kepada beberapa tema. Hasil kajian mendapati bahawa JAKIM telah lama bergiat aktif melaksanakan pelbagai strategi program yang baik kepada saudara baru. Strategi tersebut berjaya mencapai matlamat yang digariskan dalam agama Islam iaitu penekanan dalam aspek digital, pendidikan, sosioekonomi,

kebijakan, perundangan dan hak yang sewajarnya. Kajian ini menyokong usaha kolaboratif dan penambahbaikan dasar negara untuk memastikan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama yang lebih inklusif dalam konteks Islam.

Kata Kunci: Strategi, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Keharmonian Agama, Tinjauan Awal

Abstract: *The establishment of the Interfaith Harmony Committee (Harmoni) marks a significant advancement for the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM) in its efforts to implement programs grounded in religious values aimed at enhancing harmony amidst religious diversity. As the authoritative government body representing Islam, JAKIM is committed to promoting mutual understanding with other religious communities. However, there remains a scarcity of empirical studies focused on specific strategies for new Muslims. This study aims to identify JAKIM's role and strategies in maintaining balanced religious harmony among new Muslims in Malaysia. Utilizing qualitative methods, the research involves a literature review of JAKIM documents and findings from past studies, including books, journal articles, and conference papers from the last five years. The data were analyzed descriptively and categorized into several themes. The study reveals that JAKIM has been actively implementing various effective strategies for new Muslims, successfully achieving goals outlined in Islam, including a focus on digital initiatives, education, socioeconomics, welfare, legislation, and the protection of rights. This research emphasizes the importance of collaborative efforts and improvements in national policies to foster harmony and unity within Malaysia's multi-racial and multi-religious society in an inclusive Islamic context.*

Keywords: Strategy, Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), Religious Harmony, Preliminary Study

Pengenalan

Sebagai sebuah negara majoriti Muslim, Malaysia memiliki keunikan tersendiri melalui kepelbagaian latar belakang etnik, agama dan budaya dalam masyarakatnya. Dalam konteks Malaysia, keharmonian sosial melangkaui konsep aspirasi semata-mata dan diangkat sebagai teras pembangunan negara. Kewujudan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA) yang kini digantikan dengan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) antara tujuannya adalah untuk membantu kerajaan mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam negara (Zohdi, Mohamad Ramli, & Awang, 2014). Dalam landskap pihak berkepentingan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memainkan peranan yang sangat strategik berfungsi sebagai badan pentadbiran yang pengawal selia Islam secara rasmi di Malaysia. Penglibatan pihak kerajaan ini secara langsungnya memperlihatkan keprihatinan untuk menguruskan perpaduan dan keharmonian negara ini untuk jangka masa panjang.

Penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dilihat sebagai salah satu platform dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam selaras dengan pembangunan dan kemajuan negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi. Transformasi yang dibawa oleh JAKIM adalah selaras dengan visi, misi, moto, objektif dan fungsi jabatan ini sebagai peneraju dalam membina tamadun ummah yang unggul (Mokhtar et al., 2025). JAKIM bertindak sebagai badan autoriti utama dalam menyelaraskan hal ehwal Islam, di samping berfungsi sebagai agen pemelihara kestabilan sosial negara khususnya berhadapan isu-isu yang melibatkan perbezaan

agama. Namun begitu, masih terdapat kekurangan kajian empirikal yang meneliti secara khusus strategi JAKIM dalam mengekalkan keharmonian agama khususnya melihatkan saudara baru, terutamanya dari sudut pelaksanaan sebenar di lapangan. Hal ini sejajar berdasarkan Mohd Peran et al., (2025) menyatakan untuk tempoh sedekad ini, dikenal pasti tidak ramai yang mengambil perhatian dan cakna dari aspek dakwah terhadap saudara baru.

Tamuri (2021) menjelaskan bahawa tiadanya keselarasan pendekatan keagamaan dan kekurangan bahan bacaan yang sesuai sedikit sebanyak mengelirukan saudara baru dalam memahami dan menghayati ajaran Islam. Sehubungan itu, perlu diwujudkan mekanisme pemantauan dan penilaian yang sistematik terhadap keberkesanan program bersifat dakwah yang dilaksanakan, di samping pembangunan indikator yang jelas bagi mengukur tahap keharmonian agama dalam kalangan saudara baharu. Hassan (2022) menyatakan bahawa pelaksanaan dakwah tidak akan sempurna dan menghasilkan impak positif tanpa mempunyai strategi yang tepat terhadap golongan sasaran. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti peranan dan strategi yang dilaksanakan oleh JAKIM, dalam mengekalkan keharmonian agama secara seimbang dalam kalangan saudara baru di Malaysia.

Kajian Literatur

Kajian ini membincangkan konsep keharmonian agama serta sejarah dan peranan JAKIM dalam strategi membangun saudara baru di Malaysia.

Konsep Keharmonian Agama

Keharmonian antara kaum dan agama menjadi teras pembinaan negara Malaysia, dan aspek ini secara konsisten ditekankan sebagai asas kestabilan nasional (Meerangani et al., 2024). Dalam Islam, ekspresi keharmonian dapat dilihat melalui hubungan ukhuwwah Islamiyyah, sementara keharmonian dengan penganut agama lain ditunjukkan melalui kebebasan beragama. Menurut Abdullah dan Salim (2014), Rasulullah SAW telah melaksanakan beberapa dasar semasa pentadbirannya untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat beragama Islam, Yahudi, Kristian, dan Musyrik, dengan tujuan menciptakan sikap saling menghormati dalam suasana aman meskipun latar belakang yang berbeza. Islam menekankan nilai-nilai keharmonian, seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT di surah Al-Hujaraat: 13 (Zahalan et al., 2019):

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ
أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ۝ ١٣

Hai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

Berdasarkan surah ini Al-Zuhaili (2020) turut menjelaskan bahawa persaudaraan dan hormat-menghormati harus didasari dengan ketakwaan kepada Allah untuk membangun masyarakat yang harmoni. Surah ini memperlihatkan kesaksamaan manusia sebagai asas kepada pengukuhan hubungan yang terjalin dalam realiti kepelbagaian agama. Kepelbagaian merupakan lambang kepada Sunnatullah yang wajar difahami dan aspek perbezaan ini tidak boleh menjadi asbab kepada perpecahan dalam perhubungan (Zulkifli et al., 2019). Ia agar dapat membentuk satu entiti masyarakat majmuk yang harmoni. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka

(2015), keharmonian merujuk kepada keadaan harmoni, keselarasan, kesesuaian, atau kemesraan yang melibatkan perhubungan berterusan. Dalam bahasa Inggeris, perkataan "harmony" merujuk kepada 'a state of agreement or peaceful existence together' (Steel, 2005). Masyarakat yang hidup dalam keharmonian berinteraksi secara mesra, dan untuk mengekalkan keharmonian yang berterusan, keikhlasan hati diperlukan antara pelbagai lapisan masyarakat dengan menghindari prasangka negatif. Gunardi et al. (2020) menjelaskan bahawa harmoni agama bermaksud agama Islam tidak membenarkan cercaan terhadap Tuhan agama lain, kerana balasan serupa akan diterima daripada penganut agama tersebut. Kajian Sintang et al. (2022) menunjukkan bahawa harmoni secara literal bermaksud persetujuan atau penyesuaian dalam semua aspek kehidupan; tanpa keamanan, kehidupan yang harmoni tidak dapat dinikmati dalam masyarakat yang berbeza latar belakang.

Ramlee (2024) menggariskan tiga prinsip untuk mengukuhkan nilai keharmonian berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah: bersua kenal (*Al-Ta'āruf*), saling membantu (*Al-Ta'āwun*), dan saling menasihati (*Al-Tanāsuḥ*). Nilai keharmonian ini seiring dengan pembentukan masyarakat madani. Keharmonian adalah citra kehidupan yang ingin dicapai di setiap negeri dan di semua lapisan masyarakat Malaysia. Walaupun usaha mengekalkan keharmonian dalam masyarakat yang pelbagai latar belakang merupakan cabaran kerana setiap entiti ingin mempertahankan identiti tersendiri, semakin banyak ras dalam masyarakat, semakin besar cabarannya untuk mencapai keharmonian dan kesatuan.

Sejarah dan Peranan JAKIM

Penubuhan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 1968 merupakan hasil perkenan Majlis Raja-Raja dalam usaha untuk memajukan umat Islam di Malaysia (Khairi et al., 2024). JAKIM berfungsi sebagai platform utama dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam, selaras dengan pembangunan dan kemajuan negara yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi. Sebagai sebuah agensi penyelaras pusat bagi hal ehwal Islam, JAKIM beroperasi di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan nama asal Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS). Pada 1 Februari 1997, BAHEIS dinaik taraf kepada JAKIM yang kini terdiri daripada 14 bahagian (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2020). Jabatan ini memainkan peranan penting dalam mewakili Malaysia dalam komuniti Islam yang lebih luas. Menurut Mokhtar et al. (2025), teras yang dirangka oleh JAKIM adalah untuk memperkukuhkan pemahaman dan penghayatan agama Islam, demi melahirkan 'khaira ummah' iaitu umat terbaik yang mengajak kepada makruf, mencegah kepada yang mungkar. Aspek pengurusan dan penyelarasan serta rangkaian diperkemaskan bagi membina generasi Islam yang mempunyai pegangan aqidah dan syariah yang kukuh.

JAKIM berperanan sebagai platform dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam, selaras dengan pembangunan negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi. Zulkefli et al. (2024) menggariskan tiga fungsi utama JAKIM, iaitu penggubalan dan penyeragaman undang-undang Islam, pembangunan pendidikan, serta penyelarasan pentadbiran Islam. Menurut Hassan (2022), peranan JAKIM di Sarawak dilihat sebagai rahmat bagi masyarakat kerana institusi ini tidak meminggirkan masyarakat bukan Islam, malah melibatkan semua agama dalam program-program yang dianjurkan. JAKIM Sarawak berkolaborasi dengan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) untuk menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat Islam, dan ini juga berlaku di Sabah. JAKIM menyokong saudara baru melalui program dakwah yang terstruktur. Pendekatan JAKIM selaras dengan objektif transformasi yang dibawa, iaitu untuk memastikan ajaran Islam tersebar luas, membentuk kepimpinan yang berwibawa, serta


melahirkan pengurus yang terlatih, berketerampilan, dan beretika, seperti yang ditetapkan dalam ajaran Islam (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2020).

Sejalan dengan itu, Mahmud et al. (2023) menekankan peranan JAKIM sebagai badan penyelarasan fatwa di peringkat kebangsaan, yang membincangkan isu-isu semasa dan mengeluarkan pandangan hukum berdasarkan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, juga dikenali sebagai Jawatankuasa Muzakarah Islam (MKI). Melalui penyatuan usaha dalam pendidikan, ekonomi, isu sosial, dan penerapan perundangan Islam di peringkat kebangsaan, JAKIM dapat memastikan pendekatan yang padu dan komprehensif terhadap pembangunan agama Islam. Kajian oleh Zohdi et al. (2014) menunjukkan bahawa JAKIM berperanan aktif dalam menangani permasalahan berkaitan Islam atau isu-isu sensitif seperti murtad, pembinaan rumah ibadat, tanah kubur, penggunaan kalimah 'Allah' dalam Bible, dan pelaksanaan undang-undang yang berkaitan. Sumbangan JAKIM jelas memperlihatkan usaha untuk membina hubungan baik dan menunjukkan sifat keterbukaan antara penganut pelbagai agama.

Sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Islam, prestasi pengurusan yang baik adalah penting untuk memastikan pembangunan dan kemajuan urusan Islam berjalan dengan lancar (Zulkefli et al., 2024). JAKIM memainkan peranan strategik sebagai pengawal selia wacana agama dan agen kestabilan sosial. Namun, autoriti diskusi JAKIM sebagai perancang dan pengawal selia bagi saudara baru masih kurang diterokai (Daud & Ismail, 2025). JAKIM muncul daripada keperluan sejarah untuk mengharmonikan agama dalam sistem persekutuan Malaysia yang kompleks. Oleh itu, JAKIM perlu meneliti dengan lebih teliti setiap strategi yang perlu dilaksanakan dan menitikberatkan dua elemen keutamaan dan pertimbangan dalam segala perancangan agar natijah yang diinginkan tercapai. JAKIM sentiasa berupaya memastikan pendekatan yang padu dan komprehensif terhadap pembangunan Islam di Malaysia.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibentuk untuk menerangkan beberapa elemen penting yang menjadi asas kepada pencapaian tujuan dan objektif kajian. Oleh itu, kerangka konseptual yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dibina berdasarkan lima elemen utama strategi yang dikenal pasti daripada kajian lepas. Kelima-lima elemen ini saling melengkapi untuk membentuk keharmonian dalam kehidupan saudara baru. Kerangka ini juga dihasilkan daripada gabungan beberapa pemboleh ubah yang berperanan dalam kajian ini, bagi menjelaskan secara terperinci hipotesis yang ingin dicapai oleh pengkaji pada akhir kajian.




Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Sumber: Penulis Kajian

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan yang melibatkan analisis terhadap sumber-sumber rujukan berkaitan kajian lepas melalui laporan, dokumen, buku, laman web rasmi dan artikel yang berkaitan. Kajian ini memanfaatkan carian internet sebagai alat untuk memperoleh maklumat, antara laman web yang diakses untuk mendapatkan maklumat bagi kajian ini adalah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Portal Rasmi JAKIM, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), pangkalan data *Google Scholar*, *MyCite*, *Scopus*, *Web of Science* serta sumber-sumber lain yang relevan. Penggunaan sumber internet membolehkan kajian ini memperluaskan rangkaian maklumat dan meningkatkan ketelusan data yang diperoleh dalam konteks kajian. Semua data kemudiannya dianalisis secara deskriptif kepada beberapa tema strategi. Strategi ini antara lain untuk membolehkan golongan saudara baru mengekalkan keharmonian dalam diri mereka dengan agama baharu dianuti secara seimbang bagi menangani cabaran yang mereka hadapi sebagai seorang Muslim sebagaimana Rajah 2.



Rajah 2: Aliran Metodologi Kajian

Sumber: Penulis Kajian

Hasil Kajian dan Perbincangan

Strategi (JAKIM) mengekalkan keharmonian Agama Saudara Baru

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memainkan peranan yang signifikan dalam merangka pelbagai dasar dan program yang berkaitan dengan pengurusan saudara baru. Beberapa strategi yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan pemahaman agama di kalangan saudara baru serta membina keharmonian antara penganut agama adalah seperti berikut;

Pemantapan Sistem Digital

Pembangunan sistem digital e-Muallaf oleh pihak JAKIM merupakan satu proses penting bagi memastikan kelancaran dalam pengurusan pentadbiran data saudara baru serta memperkukuhkan kebajikan mereka secara efisien. Sistem ini mula dibangunkan pada tahun 2013 dengan nama e-Muallaf 1.0, yang berfungsi sebagai pusat pangkalan maklumat untuk saudara baru di seluruh Malaysia. Menurut Noh (2025), sistem ini merupakan sebuah sistem pangkalan data nasional yang dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Ia berfungsi sebagai platform utama untuk merekod, menyelaras dan mengesahkan maklumat pengislaman serta bimbingan saudara baru di seluruh negara. Sejalan dengan kemajuan peredaran zaman, sistem ini telah dipertingkatkan kepada e-Muallaf 2.0 dengan

tambahan beberapa fungsi canggih seperti cetakan kad muallaf secara dalam talian menerusi sistem yang telah dilengkapi dengan kod QR. Kod QR ini bagi memudahkan semakan status terkini melibatkan pengurusan kebajikan dan bantuan zakat kepada para saudara baru. Setakat ini, maklumat yang terkandung dalam sistem e-Muallaf hanya meliputi Perlis, Kedah, Perak, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Terengganu, dan Kelantan sahaja. Kemudahan ini akan terus diperluaskan lagi merangkumi negeri-negeri lain dalam masa yang terdekat (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2013). Sebagai langkah inisiatif untuk mempermudah urusan saudara baru yang berada di luar negeri-negeri tersebut, mereka boleh mendaftar di laman web seperti yang dikemukakan pada Jadual 1.

Jadual 1: Laman Web Pendaftaran Pengislaman Saudara Baru

Negeri	Laman Web Muallaf
Johor	https://emuallaf.johor.gov.my/
Sabah	https://emuallaf.sabah.gov.my/user/login.php
Melaka	https://imuallaf.maim.gov.my/#
Kelantan	https://edakwah.kelantan.gov.my/e-dakwah/public/eukhuwah/index.php?tab=permohonan&step=2

Sumber: Laman Web Rasmi e-Muallaf JAKIM

Pembangunan Sistem e-Muallaf ini turut membuka laluan kepada termeterainya perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) buat pertama kalinya di peringkat kebangsaan (Zainury, 2025). Hal ini memandangkan pengurusan data saudara baru yang sebelum ini dikendalikan secara berasingan oleh setiap negeri, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, yang menyebabkan pelbagai cabaran dalam penjejakan status mereka bagi menyalurkan bantuan. Pemantapan sistem ini dari semasa ke semasa diharapkan dapat mempermudah urusan saudara baru dalam mendapatkan sebarang maklumat atau panduan berkenaan pengurusan pengislaman, pendaftaran pengislaman, pembelajaran, kebajikan, dan sebagainya. Ia sejajar menurut Mohamed et al. (2015) menyatakan sistem yang diurus dengan sebaik mungkin akan memperoleh kejayaan dan kegemilangan hakiki (*al-Falah*) bukan sahaja di dunia malah di hari akhirat kelak.

Pemeriksaan Bidang Pendidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memainkan peranan penting dalam membentuk cara Islam diartikulasikan, difahami, dan disampaikan melalui pemerikasaan pendidikan dengan menggunakan pelbagai pendekatan sebagai penghubung antara kepentingan nasional dan interpretasi agama. Antara langkah yang diambil adalah penggarisan piagam tahunan yang mewajibkan penganjuran kursus, seminar dan bengkel bertujuan untuk memberikan kefahaman serta memantapkan penghayatan Islam kepada saudara baru sebanyak 17 kali, dan melibatkan masyarakat Orang Asli sebanyak 37 kali dalam tempoh setahun. Usaha ini dilaksanakan secara aktif untuk mempromosikan dan meningkatkan pendidikan Islam secara meluas di Malaysia demi impak jangka panjang. Mokhtar et al. (2025) menyatakan bahawa JAKIM menyebarkan dakwah kepada golongan sasaran, iaitu generasi muda, terutamanya pelajar di peringkat pendidikan tinggi. Hal ini penting kerana golongan ini akan menjadi kepimpinan negara dalam pelbagai sektor masyarakat pada masa akan datang. Ini termasuklah sokongan kepada institusi pendidikan dan pembangunan integrasi nilai-nilai Islam bagi saudara baru.

Pada peringkat permulaan, JAKIM memperkukuh pembangunan pendidikan melalui Darul Quran dengan meluaskan promosi Program Sijil Asas Tahfiz (SAT) kepada pusat-pusat pengajian Islam di setiap negeri, khususnya untuk menyokong pembelajaran dan integrasi saudara baru. Program ini menawarkan kemudahan kepada saudara baru untuk memperkukuh pegangan akidah mereka serta membuka peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Tahfiz al-Quran & al-Qiraat di Darul Quran, selaras dengan syarat kelayakan yang ditetapkan. Namun, menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2013), program SAT hanya menasaskan beberapa Pusat Bimbingan Islam seperti Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (PUSBA), Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), dan Darul Quran JAKIM di Kuala Kubu Bharu, Selangor. Pemerksaan saudara baru melalui pendidikan tinggi bukan sahaja dapat mengubah status hidup mereka, malah menzahirkan prinsip keadilan sosial dalam Islam dan berupaya menangani salah tanggapan dalam komuniti serta keluarga (Yun Hin, 2021).

Selanjutnya, kecemerlangan yang dicapai oleh para saudara baru dalam dunia akademik turut menerima penghargaan dan pengiktirafan setara dengan Muslim asal lain melalui penganjuran majlis Konvensyen Mualaf Madani Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 dan Konvensyen Mualaf Madani (KEMUDI) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 yang dianjurkan oleh JAKIM. Majlis ini merupakan program yang dijenamakan semula daripada acara dwi-tahunan Konvensyen Saudara Muslim, anjuran JAKIM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), yang berperanan dalam memperkukuh pembangunan saudara baru serta menjadi wadah penyatuan mereka dari pelbagai kaum dan etnik di seluruh negara, termasuk kaum Cina, India, Sikh, Orang Asli, serta etnik Sabah dan Sarawak (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2020). Tujuan majlis ini adalah untuk memperkukuhkan perpaduan dan jati diri saudara baru dalam masyarakat, dengan memberi penekanan kepada pemahaman nilai-nilai Islam, membina kesedaran sosial, serta memupuk rasa tanggungjawab terhadap komuniti. Melalui program sebegini, diharapkan mereka bukan sahaja dapat menyesuaikan diri dengan norma masyarakat majmuk Malaysia, tetapi juga mengembangkan potensi diri secara holistik dalam konteks spiritual, sosial dan budaya

Dalam usaha memastikan kejayaan aspek pendidikan, JAKIM menggunakan pelbagai kaedah pelaksanaan yang sesuai dengan peringkat dan latar belakang masyarakat saudara baru dalam berdakwah. Mohd Peran et al. (2025) menjelaskan bahawa saudara baru diibaratkan seperti bayi yang baru dilahirkan, kurang pengetahuan agama, dan terdedah kepada kejahilan, yang mana keadaan ini mungkin mendorong mereka untuk kembali kepada agama asal, iaitu murtad. Oleh itu, usaha sentiasa diselaraskan agar lebih sesuai dengan keperluan dan cabaran kontemporari saudara baru. Strategi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam memperkasakan bidang pendidikan adalah selaras dengan pandangan Zulkefli et al. (2024) yang menekankan bahawa pendidikan dalam Islam ditekankan untuk melahirkan insan yang seimbang, sekali gus menghasilkan pertumbuhan seimbang dalam semua aspek keperibadian manusia.

Sumbangan Sosioekonomi Dan Kebajikan

Bergerak sebagai badan agensi yang aktif di peringkat negeri dan Persekutuan, JAKIM juga melaksanakan pelbagai sumbangan yang melibatkan sosioekonomi dan kebajikan saudara baru. Hasil penelitian pengkaji, bantuan yang berkaitan dengan kebajikan saudara baru dilaksanakan dengan kerjasama badan NGO serta beberapa pihak berkepentingan lain seperti JAIS, JAIN, MAIDAM dan lain-lain. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2020) telah menyalurkan sumbangan sebagai tanda penghargaan kepada setiap persatuan saudara baru yang aktif terlibat dalam menyokong gerak kerjanya untuk menyebarkan risalah "*Islam Rahmatan Lil Alamin*".

Dalam tempoh lima tahun pertama, saudara baru memerlukan sokongan dan bantuan berterusan daripada pelbagai pihak kerana mereka masih terkantang-kanting untuk mendapatkan sebarang maklumat dan tempat untuk mendapatkan bantuan selepas memeluk Islam, sedangkan mereka berminat untuk mempelajari agama Islam.

Inisiatif JAKIM dilaksanakan dengan mengagihkan bantuan secara meluas, seperti pemberian wang tunai sugu hati, tempat perlindungan sementara, zakat, dan barangan keperluan asas seperti barangan dapur. Contohnya, sumbangan wang tunai berjumlah RM500, bantuan barangan keperluan asas bernilai RM100, dan peruntukan RM2 juta bantuan kepada 4,000 orang golongan asnaf muallaf di Wilayah Persekutuan melalui Program Musa'adah Covid-19 serta penyediaan tempat perlindungan sementara di Kompleks Darul Hidayah bagi saudara baru yang menghadapi masalah tempat tinggal (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2013). Pemberian bantuan kewangan dan kebajikan adalah berbeza bagi setiap negeri di seluruh Malaysia, kerana terdapat sesetengah negeri yang hanya menyalurkan bantuan kepada saudara baru yang membuat permohonan sahaja di negeri tersebut (Zamzuri Arif & Osman, 2022).

Bantuan kewangan dapat mengukuhkan akidah mereka dalam Ummah Islam untuk menjalani kehidupan yang lebih baik, serta menonjolkan kepada keluarga mereka bahawa keputusan untuk memilih agama Islam bukanlah satu kesilapan. Dengan pemberian bantuan, diharapkan dapat meringankan penderitaan dan kekusutan yang dialami saudara baru selama ini. Sejalan dengan pandangan Pasiran dan Mokhtar (2024), saudara baru memerlukan bantuan dari sudut kewangan dan kebajikan serta sokongan moral untuk menjalani kehidupan baru yang terdiri daripada pelbagai cabaran yang perlu diharungi, seperti dibuang keluarga, hilang pekerjaan, dan sebagainya. Cabaran tersebut turut menimbulkan pelbagai polemik dalam kalangan masyarakat terhadap sejauh mana usaha atau tindakan yang telah diambil oleh badan berkuasa untuk menangani permasalahan kebajikan dan spiritual saudara baru tersebut. Perhatian terhadap kebajikan saudara baru adalah suatu kewajipan, kerana mereka adalah saudara seagama, selaras dengan prinsip yang diajarkan oleh agama Islam (Don et al., 2023). Kebajikan merupakan elemen penting untuk kelangsungan hidup manusia maka, wajarlah manusia berusaha dengan pelbagai cara untuk mencapainya.

Program Pengukuhan Integrasi Sosial

Integrasi bertujuan untuk menyatukan pelbagai kelompok di bawah satu struktur tadbir urus serta memupuk pembudayaan dan asimilasi. Usaha untuk mengintegrasikan saudara baru ke dalam masyarakat Islam yang lebih luas serta masyarakat Malaysia adalah penting dalam membina perpaduan yang kompleks antara agama dan kelompok etnik (Abdullah et al., 2024). Pendekatan yang diambil oleh JAKIM, melalui pelbagai program seperti ziarah mahabbah, gotong-royong, majlis berbuka puasa, sambutan Aidilfitri, khatan perdana, kursus pascaperkahwinan Islam, *Dhuha Talk* dan lain-lain, dengan kerjasama NGO dan agensi lain, telah berjaya mengukuhkan integrasi sosial saudara baru. Jadual 2 menunjukkan program dan lokasi yang diadakan oleh JAKIM sebelum ini. Hal ini sejajar dengan pernyataan Awang dan Mat (2024) yang menyatakan bahawa pusat keagamaan berfungsi sebagai medium integrasi, memupuk keharmonian antara Muslim dan bukan Muslim, serta memperkukuh perpaduan dalam masyarakat Islam.

Jadual 2: Program Pengukuhan Integrasi Saudara Baru oleh JAKIM

Nama Program	Tarikh	Lokasi
Fascaniting Ramadhan Bersama Saudara Muslim	10 Mac 2026	Masjid Jamek Cina Muslim Klang, Selangor
Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pendaftar Muallaf	22 April 2025	Kompleks Islam Putrajaya
Fascaniting Ramadhan Bersama Saudara Muslim	19 Mac 2025	Auditorium Mohd Adnan Isman, Universiti Islam Selangor (UIS)
Bantuan Keperluan Asasi (Boost) RM300 sebulan	24 Mei 2025	JAKIM & MAIWP
Kursus Ibadah Haji & Umrah Muallaf 2025	12 Jun 2025	Kompleks Darul Hidayah, Sentul
Kursus Pascaperkahwinan Islam Saudara Baru	27 Oktober 2024	Avillion Admiral Cove Hotel, Port Dickson
Iftar Madani	28 Mac 2024	Bulatan Dataran Putra, Putrajaya
Khatan Perdana	17 Disember 2023	Masjid Bandar Utama Batang Kali
Iftar Mahabbah	29 Mei 2019	Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin, presint 3 Putrajaya.
Ziarah Mahabbah	8 September 2019	Kerling, Kuala Kubu Bharu Selangor
	13 Oktober 2019	Taman Permata Dengkil Selangor
Gotong Royong	8 September 2019	Surau Ladang Jernih Di Estet Kerling
	13 Oktober 2019	Surau Taman Permata Dengkil Selangor

Sumber: Laman Web Rasmi JAKIM

Program-program ini diadakan selaras dengan objektif untuk mewujudkan hubungan dan merapatkan jaringan ukhawah antara Muslim dan masyarakat bukan Muslim, sambil memperbetulkan salah faham tentang Islam. Abdullah et al. (2022) dan Abdullah et al. (2024) menjelaskan bahawa saudara baru juga menghadapi pelbagai isu integrasi sosial dalam konteks agama Islam, termasuk tekanan keluarga, persepsi masyarakat, isu perkahwinan, dan perceraian. Diharapkan program ini mampu menjadi jambatan untuk mencapai perpaduan sejagat dan membentuk masyarakat yang mencintai keharmonian, kedamaian, serta saling menghormati antara satu sama lain.

Pengukuhan Sistem Perundangan Dan Hak

Pengukuhan sistem perundangan dan perlindungan hak merupakan salah satu strategi utama yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam usaha untuk mengekalkan keharmonian agama di kalangan individu yang baru memeluk Islam. Hak dan tanggungjawab orang bukan Muslim adalah setara dengan hak orang Muslim (Ahmad Al Jafari, 2021). Perundangan dalam Islam berlandaskan al-Quran dan hadis, sementara agama lain lebih

menekankan aspek moral (Sintang et al., 2022). Sistem perundangan Islam yang sistematik berfungsi sebagai mekanisme untuk melindungi hak-hak saudara baru, terutama setelah mereka memeluk agama Islam, yang sering melibatkan pelbagai implikasi daripada segi undang-undang, sosial, dan hubungan kekeluargaan. Contohnya, hak-hak sosial saudara baru termasuk penyediaan pusat pengajian sebagai tempat penginapan sementara bagi mereka yang terpinggir seperti mana dikemukakan pada Jadual 3. Di samping itu, pemberian zakat daripada bahagian asnaf saudara baru, bertujuan agar mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada urusan pengislaman demi kestabilan hidup. Oleh itu, Muhammad et al. (2026) turut menyatakan zakat merupakan instrumen dalam memelihara kebajikan sosial dalam kalangan masyarakat Muslim untuk meningkatkan kualiti hidup golongan yang kurang berkemampuan untuk kesejahteraan mereka.

Jadual 3: Pusat Penginapan Sementara Mualaf

Bil.	Pusat Pengajian
1.	Asrama Darul Hidayah MAIWP Kampung Baru- 6 Bulan Sahaja
2.	Kompleks Baitus Salam di Selangor
3.	Kompleks Darul Hidayah, Pulau Pinang
4.	Pusat Perlindungan Mualaf, Melaka

Sumber: Laman Web Rasmi JAKIM

Menurut Siraj (2023), berdasarkan Artikel 18 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, setiap individu berhak dan bebas untuk berfikir dan beragama bagi memastikan keharmonian beragama. Undang-undang juga diperkenalkan untuk melindungi hak minoriti agama dan mencegah diskriminasi. Pengukuhan ini sentiasa diperkasakan oleh JAKIM, termasuk proses pendaftaran pengislaman, syarat-syarat yang perlu dipenuhi, undang-undang perkahwinan, dan pewarisan harta. Mat Zain et al. (2024) menyatakan bahawa ketidakselarasan atau ketidakcukupan dalam rangka kerja undang-undang boleh menjejaskan usaha melindungi kebebasan beragama.

Pengukuhan undang-undang dan hak saudara baru adalah langkah penting ke arah memelihara keharmonian agama di Malaysia. Hal ini sejajar dengan kajian Abd Rahman et al. (2022), yang menegaskan bahawa masyarakat Islam perlu memahami dan peka dalam memelihara hak saudara Muslim yang lain. Hak untuk bertoleransi dalam perbezaan kehidupan manusia, termasuk individu bukan Islam, harus dihormati berdasarkan prinsip *fiqh ta'āyush* (Abdul Ghani et al., 2024). Malaysia, dalam perlembagaannya, tidak menafikan hak kebebasan beragama yang harus dinikmati oleh setiap individu. Menjana dasar dan program pengukuhan nilai keharmonian juga perlulah berterusan agar masyarakat mencapai taraf madani yang sebenar. Strategi pendekatan JAKIM mencakupi semua saudara baru dan masyarakat dengan latar yang berbeza untuk membentuk kesatuan dan keharmonian dalam setiap perhubungan.

Cadangan Pemeraksanaan Strategi Sedia Ada JAKIM

Meskipun telah berjaya dikenal pasti bahawa terdapat beberapa strategi yang diperkasakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mengekalkan keharmonian agama bagi saudara baru, jika diteliti, masih terdapat beberapa ruang dan aspek yang perlu ditambah baik agar memastikan saudara baru dapat mengecapi setiap program yang dilaksanakan dengan baik. Antara cadangan pemeraksanaan pengkaji yang boleh dilakukan oleh JAKIM adalah dengan menaik taraf sistem e-Muallaf 2.0 kepada satu platform digital yang berteraskan lima prinsip maqasid. Platform yang dinaik taraf ini akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan maklumat yang selama ini tidak diketahui oleh saudara baru, seperti kemudahan khidmat

nasihat dan kaunseling, modul pembelajaran, dan guru untuk dirujuk secara dalam talian. Ellin et al. (2024) menyatakan bahawa dunia media sosial telah menjadi platform yang penting dalam menyebarkan maklumat dan mempengaruhi masyarakat, terutamanya golongan belia.

Begitu juga, modul khusus yang menekankan elemen keharmonian agama berteraskan konsep saling mengenal (*al-ta'aruf*), saling membantu (*al-ta'awun*) dan saling menasihati (*al-tanāsuḥ*) perlu diaplikasikan dalam setiap program yang telah dirangka oleh JAKIM. Hubungan antara toleransi beragama Muslim dengan bukan Muslim di Malaysia masih berada pada tahap sederhana. Walaupun menurut Meerangani et al. (2024), keharmonian masyarakat pelbagai kaum dan agama merupakan identiti yang dimiliki oleh Malaysia sejak kemerdekaan. Selepas mencapai kemerdekaan, masyarakat Malaysia turut melalui fasa perubahan akibat pertembungan tamadun dan agama. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu memperluaskan jaringan kerjasama yang strategik dengan pelbagai pihak seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agensi swasta, agamawan dan tokoh daripada pelbagai agama. Kerjasama ini juga membuka ruang untuk berkongsi kepakaran yang selama ini tidak dimiliki oleh JAKIM. Kehadiran mereka yang berpengaruh dan berpengetahuan dalam sesuatu bidang agama, seperti agama Islam, boleh membantu membawa naratif dakwah Islam yang positif serta membetulkan persepsi yang salah mengenai agama Islam selama ini (Ellin et al., 2024).

Pengkaji berharap cadangan yang dikemukakan ini sedikit sebanyak dapat membantu JAKIM memperkukuhkan peranannya sebagai salah satu agen yang paling berpengaruh bagi mengekalkan keharmonian agama serta kehidupan saudara baru di Malaysia. Ia selaras dengan pelan Transformasi Al-Falah (PTF), iaitu ilmu, integriti, itqan, istiqamah, dan ikhlas untuk kesejahteraan Malaysia Madani. Pelan ini akan membantu masyarakat Malaysia dalam mengamalkan sikap belas kasihan dalam kehidupan seharian semua orang di Malaysia, tanpa mengira latar belakang agama dan budaya mereka.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, strategi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam pengurusan saudara baharu memperlihatkan pendekatan multidimensi yang melampaui fungsi pentadbiran konvensional. Melalui pemeraksanaan digital, pendidikan, kebajikan, integrasi sosial, dan perlindungan perundangan, strategi yang ditekankan oleh JAKIM adalah selaras dengan ajaran agama Islam dan bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dalam kehidupan beragama yang berbeza anutan. JAKIM berperanan sebagai agen pemacu yang membentuk hubungan sosial yang kukuh dalam masyarakat plural di Malaysia. Walau bagaimanapun, strategi sedia ada memerlukan penambahbaikan dan penyelarasan berterusan yang lebih sistematik agar sesuai dengan arus kemodenan masa kini. Antaranya, JAKIM boleh meningkatkan sistem e-Muallaf sedia ada dengan menambah satu platform untuk pengaksesan pembelajaran agama Islam secara dalam talian. Pembelajaran dalam talian memberikan kemudahan kepada saudara baru untuk mengakses maklumat di mana sahaja mereka berada. Oleh itu, kajian lanjutan diharapkan dapat mengemukakan dapatan hasil penilaian keberkesanan strategi yang dimainkan oleh JAKIM terhadap saudara baru selama ini.

References

- Abd Rahman, N. N. H., Abdullah, A., Abdullah, A. H., Darawi@Samat, A. B., & Nasir, B. M. (2022). Analisis Keperluan Program-Program Sokongan Sosial Dalam Pemerkasaan Saudara Baru (Analysis of The Needs of Social Support Programs in The Empowerment of Muslims Convert). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(2), 29–38. <https://doi.org/10.11113/umran2022.9n2.562>
- Abdul Ghani, R., Awang, A., Che Mat, A., & Fursiana, M. (2024). Limitation of Religious Tolerance Practices among Mualaf Family Relations. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(7), 1753–1764. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i7/21332>
- Abdullah, R., Jayos, S., Yahya, F., Abdullah Bandar, N. F., Mat Yusoff, N. F., & Ifdil, I. (2022). Adaptation Strategies by Muslim Convert: A Study on “Saudara Kita” in Sarawak Malaysia. *Islamic Guidance and Counseling Journal*, 5(2), 2614–1566. <https://doi.org/10.25217/igcj.v5i2.2480>
- Abdullah, S. F., & Salim, S. (2014). Pendekatan Islam dalam menangani masalah hubungan etnik: Pelaksanaannya pada zaman Rasulullah saw. *Universiti Utara Malaysia Institutional Repository (Universiti Utara Malaysia)*, 1823–1831. Universiti Malaysia Perlis.
- Abdullah, S., Mohamad, N. I., Sahad, M. N., & Mahamud, M. A. (2024). Implementing a Digital Profiling System for Enhanced Support and Integration of Muslim Converts in Malaysia. *International Journal of Religion*, 5(1), 592–605. <https://doi.org/10.61707/cjgx6j38>
- Ahmad Al Jafari, S. M. A. T. bin. (2021). Menghormati Agama Lain Sebagai Pelengkap terhadap Penjagaan Agama Islam dalam Maqasid Syariah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(2), 99–116. Retrieved from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/58388>
- Al-Zuhaili, Prof. Dr. W. (2020). *Tafsir Al-Munir Juz 25 & 26* (Vol. 13, pp. 445–495). Indonesia: Gema Insani.
- Awang, A., & Mat, A. C. (2024). The Role of the Islamic Guidance Center as an Information and Integration Site for Mualafs in Selected Zones of Peninsular Malaysia. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 26(1), 307–342. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol26no1.10>
- Daud, M. R., & Ismail, A. F. (2025). The Role of JAKIM and Islamic Education Curriculum in Shaping the Discourse of Wasatiyyah in Malaysian Secondary Schools. *BESTARI: Jurnal Studi Pendidikan Islam*, 22(2), 106–130. <https://doi.org/10.36667/bestari.v22i2.1703>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2023). *Kamus Dewan Edisi Keempat* (4th ed., pp. 1–1817; H. N. Baharom, Ed.). Kuala Lumpur: Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd. (Original work published 2015)
- Don, A. G., Muhamat@Kawangit, R., & Mokhtar, A. I. (2023). Pembangunan Kepimpinan Asnaf Mualaf dalam Pemerkasaan Gerakan Dakwah [Asnaf Mualaf Leadership Development in Empowering Da'wah Movement]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (E-ISSN: 2600-9080)*, 6(2), 96–103. Retrieved from <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/369>
- Ellin, M. R., Hamid, A., Othman, F., & Jambli, M. K. (2024). Keperluan dan Cabaran Dakwah di Sarawak: Suatu Analisis Kualitatif dari Perspektif Aktivis NGO Islam. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 5(9). <https://doi.org/10.47548/ijistra.2024.79>
- Gunardi, S., Mochammad Sahid, M., & Zahalan, N. M. H. (2020). Konsep Harmoni Yang Dinamik dalam Kehidupan Beragama di Malaysia Melalui Pendekatan Maqasid Syariah. *Abqari Journal*, 23(2), 157–177. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol23no2.358>

- Hassan, H. B. (2022). Aplikasi fiqh keutamaan dalam perancangan strategi dakwah Majlis Islam Sarawak. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 57–67. Majmuah Enterprise.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2013). Sistem e-Muallaf . Retrieved January 24, 2026, from e-Muallaf website: <https://emuallaf.islam.gov.my/index.php#>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020, November 26). Sejarah Ringkas JAKIM. Retrieved January 31, 2026, from Islam.gov.my website: <https://www.islam.gov.my/ms/info-korporat/profil-jakim/sejarah>
- Khairi, A., Ab. Wahab, A., Ajis, M., & Mohd Arshad, M. (2024). Islamic Governance in Action: Malaysia's Approach to Rohingya Refugee Islamic-Based Assistance. *International Journal of Islamic Thought*, 26(Dec), 13–23. <https://doi.org/10.24035/ijit.26.2024.298>
- Mahmud, A. T., Mohd Subri, I., & Abdul Majid, M. N. (2023). Analisis Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Kertas Kajian Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Berkaitan Isu Pandemik COVID-19: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 28(2), 104–122. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.512>
- Mat Zain, A. E., Ibrahim, H., Ismail, N., Ismail, S., Abu Hassan, N. A., Farzana, F., & Meral, D. (2024). Isu Antara Agama: Sorotan Awal Kemerostan Toleransi Agama Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 11(2), 1–14. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v11i2.190>
- Meerangani, K. A., Abdul Hamid, M. F., Abd Wahab, N. A., Satar, A., & Martin, D. (2024). The Influence of 3R (Race, Religion, Royalty) on the Harmony of Society in the Digital Era. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, VIII(V), 2076–2083. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.805150>
- Mohamed, H. A.-B., Ab Ghani, A. M., & Basir, S. A. (2015). Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran Dan Integrasi Ilmu Sainifik. *Jurnal Syariah*, 23(1), 25–52. <https://doi.org/10.22452/js.vol23no1.2>
- Mohd Peran, M. J., Muhamat @ Kawangit, R., Don, A. G., & Aini, Z. (2025). Penerapan Elemen Al- Hikmah Terhadap Saudara Baru di Malaysia Menerusi Organisasi Islam. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 5(1), 34–46. Retrieved from <https://jurnal.nun-g.com/index.php/qalam/article/view/513>
- Mokhtar, S., Ationg, R., Thia, K., Othman, I. W., Lebai Ahmad, M. K., & Mersumpin, S. (2025). Da'wah Policies and Strategies of Religious Institutions towards Prisoners in Sustaining Human Civilization in Sabah, Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, 9(10), 2849–2864. <https://doi.org/10.47772/ijriss>
- Muhammad, H., Awang, A., Arifin, J., & Ngah, N. A. (2026). Zakat dan kesejahteraan: Analisis literatur ke arah pembangunan kerangka indeks mustahik. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11(80), 428–436. <https://doi.org/10.55573/JISED.118030>
- Noh, N. C. (2025, October 13). Sistem e-Muallaf bantu MAIS kukuhkan pengurusan data, kebajikan saudara baharu. Retrieved January 24, 2026, from Berita Harian website: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/10/1458262/sistem-e-muallaf-bantu-mais-kukuhkan-pengurusan-data-kebajikan>
- Pasiran, K., & Mokhtar, A. E. (2024). Pengurusan Dakwah Kepada Saudara Baru Di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (Jheains) Satu Tinjaun Awal. *Jurnal Al-Sirat*, 24(2), 89–101. Retrieved from <https://ejournal.unipsas.edu.my/index.php/alsirat/article/view/362>

- Ramlee, Y. (2024). Memperkasa Nilai Keharmonian Masyarakat Majmuk Madani Berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah: Empowering the Value of Harmony in a Civil Pluralistic Society Based on the Quran and Sunnah. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(2), 21–35. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/353>
- Sintang, S., Mohd. Khalli, Mohd. N., Mohd. Khambali@Hambali, K., & Hussin, R. (2022). Menjana Keharmonian Melalui Jalinan Kerjasama Antara Penganut Beza Agama Di Sabah. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 19(6). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1906.07>
- Siraj, M. S. (2023). Inter-Religious Harmony: Promoting Unity and Tolerance an Investigation into Inter-religious Harmony in Bangladesh: Examination of Initiatives, Challenges, and Implications. *International Journal of Research Publication and Reviews*, 4(7), 1375–1381. <https://doi.org/10.55248/gengpi.4.723.48627>
- Steel, M. (Ed.), Abdul Rahman, Z. (Trans.). (2005). *New Oxford English-English-Malay* (6th ed., pp. 1–930). Selangor Darul Ehsan: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tamuri, Abd. H. (2021). Falsafah Pendidikan Islam dalam Kalangan Mualaf. Prosiding Pendidikan Tinggi Islam Mualaf Di Malaysia , 10–24.
- Wan Mustaffa, W. I., Wan Ismail, W. R., Abdul Majid, M. A., & Kamarulzaman, N. H. (2025). From Crisis to Credibility: A Content Analysis of JAKIM’s Strategic Communication in Governing Malaysia’s Halal Ecosystem (2010-2025). In *Research Square* (pp. 1–14). <https://doi.org/10.21203/rs.3.rs-8308296/v1>
- Yun Hin, T. Y. (2021). Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia. *Prosiding Pendidikan Tinggi Islam Mualaf Di Malaysia 2021*, 2–8. Sabah, Malaysia: Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah.
- Zahalan, N. M. H., Abous, M., & Bharuddin, A. S. (2019). Hubungan Kemasyarakatan Muslim dengan Non-Muslim Mengikut Perspektif Maqasid Syariah di Malaysia. *‘Abqari Journal*, 20(1), 67–77. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.205>
- Zainury, M. A. (2025, October 12). MAIS agensi agama pertama laksana Sistem e-Muallaf bersama Jakim | Sinar Harian. Retrieved January 24, 2026, from Sinar Harian website: <https://www.sinarharian.com.my/article/752311/edisi/selangor-kl/mais-agensi-agama-pertama-laksana-sistem-e-muallaf-bersama-jakim>
- Zamzuri Arif, N. Z., & Osman, K. (2022). Pendekatan Dakwah Terhadap Golongan Mualaf. *Pendekatan Dakwah Terhadap Golongan Mualaf*, 1–21. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM): Persatuan Penyelidik Pendakwah Malaysia.
- Zohdi, M., Mohamad Ramli, Y., & Awang, J. (2014). Peranan dan Sumbangan JAKIM dalam Dialog antara Agama. *International Journal of Islamic Thought*, 6(1), 26–36. <https://doi.org/10.24035/ijit.06.2014.003>
- Zulkefli, M. I. I., Endut, M. N. A.-A., & Lim Abdullah, M. R. T. (2024). Exploring Factors Affecting the Sustainability of Islamic Affairs in Malaysia: An Interpretive Structural Modeling (ISM) Approach. *International Journal of Sustainable Development and Planning*, 19(2), 703–713. <https://doi.org/10.18280/ijstdp.190227>
- Zulkifli, A. A., Wan Chik, W. M. Y., Ismail, A. F., Moktar, S., & Mat@Mohamad, Z. (2019). Keharmonian Masyarakat Majmuk Berdasarkan Surah Al-Hujurat Ayat 13. *Journal of Management and Operation Research*, 1(7), 1–12.